

Program Pertanian dan Perhutanan

UMS tersenarai **200 terbaik dunia**

UB 23 Mac 2016 12

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mempertingkatkan lagi pencapaiannya apabila buat pertama kali dalam sejarah diiktiraf dalam QS World University Ranking.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata UMS melalui Program Pertanian dan Perhutanan universiti, telah tersenarai dalam kedudukan 200 terbaik dunia.

“Pengiktirafan tersebut turut menyaksikan UMS melalui program yang sama berada pada ranking ke-36 di peringkat seluruh universiti di Asia,” katanya dalam

kenyataan di sini, kelmarin.

Beliau berkata pengiktirafan tersebut merupakan satu lagi lonjakan besar dalam memposisikan UMS di arena antarabangsa.

“Ini membuktikan UMS berada di landasan yang betul untuk mencapai lebih banyak kecemerlangan di peringkat dunia. InsyaAllah kita akan terus perbaiki pencapaian dari tahun ke tahun,” katanya.

Di Malaysia, Program Pertanian dan Perhutanan UMS berada pada kedudukan kedua daripada semua universiti selepas Universiti Putra Malaysia (UPM).

Sementara itu, Mohd Harun

berkata UMS sentiasa giat memperkasa penyelidikan dalam pelbagai bidang yang boleh menyumbang manfaat kepada masyarakat terutama kepada pembangunan negara.

“Hasrat kita bukan sahaja untuk membolehkan UMS menjadi universiti berdaya saing di peringkat global tetapi yang lebih utama, kita seiring ke hadapan bersama universiti awam lain untuk melahirkan pakar-pakar ke arah merealisasikan wawasan negara untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020,” katanya.

-Bernama

